

BN Padang Serai Dan NGO Buat Laporan Polis Bantah 901
Bernama
3 Januari, 2012

KULIM, 3 Jan (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Bahagian Padang Serai dan tujuh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di sini, membuat laporan polis bagi membantah kumpulan yang cuba mencetuskan perhimpunan haram, Kempen Bebaskan Anwar 901.

Kumpulan lebih 100 orang itu turut berhimpun secara aman bagi memohon Kementerian Dalam Negeri supaya menyiasat dan bertindak mengekang perhimpunan itu.

Dengan diketuai oleh Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian, Asmadi Abdul Mutalib bersama pemimpin-pemimpin NGO, mereka membuat laporan di Balai Polis Kulim di sini petang semalam.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637644>